

27/01/2003

`Tindakan tegas jika ingkar perintah'

NAIB Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Mohammad Noor Salleh, kesal berikutan sambutan dingin warga universiti itu terhadap majlis Istiadat Konvokesyen Komemoratif 21 Disember lalu, yang juga acara penutup sambutan 80 tahun SITC-UPSI.

Pada Majlis itu, katanya, hanya 25 peratus Dewan SITC dipenuhi walaupun Pejabat Pendaftar telah mengeluarkan perintah `wajib hadir' dan pihak tidak hadir diminta tunjuk sebab tidak hadir.

Katanya, pihak pengurusan universiti berhak mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana pihak yang melanggar peruntukan dalam Perintah-Perintah Am dan membelakangkan surat aku janji serta meremehkan surat arahan berkala dikeluarkan oleh pejabat Pendaftar.

"Rekod buruk (amaran, celaan dan sebagainya) tercatat dalam fail peribadi staf akan memberi kesan kepada mereka yang disabitkan mengingkari perintah pegawai atasan.

"Jika mereka pegawai kontrak, mungkin kontrak tidak disambung, jika pegawai tadbir dalam percubaan, mungkin mereka tidak akan disahkan dalam jawatan dan jika mereka berjawatan pensyarah tetap, mungkin tidak diberikan peluang melanjutkan pelajaran atau naik pangkat.

"Malah jika mereka yang ada pangkat sekalipun, tidak mustahil mereka akan diturunkan pangkat atau hilang pangkat yang disandang.

"Sudah sampai masanya pihak pentadbiran universiti bertindak tegas menyekat penyakit ingkar perintah dan tidak disiplin daripada merebak serta memusnahkan reputasi baik SITC-UPSI yang susah payah kita bina selama ini," katanya.

Sementara itu, Dr Mohamad Noor berkata, salah satu agenda terbesar UPSI tahun ini ialah menjemput Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menghadiri Konvensyen Pendidikan (Konpen) Perdana anjuran bersama universiti dan alumni, sebagai penghormatan sebelum beliau bersara.